



MAKTAB RENDAH SAINS MARA GERIK, PERAK.

PANDUAN MEMBAWA DAN MENGGUNAKAN TELEFON BIMBIT.

PERATURAN AM.

1. **Mendapat kebenaran ibubapa/waris.**
2. Set telefon bimbit hendaklah di daftarkan dengan Unit Pembangunan Pelajar MRSM Gerik (**Unit Pengurusan Asrama**).
3. Pelajar perlu mendaftarkan dan menandatangani borang pendaftaran penggunaan telefon bimbit.
4. Bayaran **RM 10** dikenakan bagi setiap telefon(setahun).
5. Telefon yang telah didaftarkan akan ditampal "**sticker**" yang disediakan oleh pihak maktab untuk tujuan keselamatan.
6. Pelajar hanya dibenarkan membawa 1 unit telefon dan satu nombor sahaja (didaftarkan).
7. Pelajar hanya dibenarkan mengecas telefon bimbit di kawasan asrama sahaja.
8. Pihak maktab berhak memeriksa dan memantau penggunaan telefon bimbit dari masa ke semasa.
9. Sebarang bentuk penyalahgunaan telefon bimbit akan dikenakan tindakan mengikut "**Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar MRSM**".
10. Pihak maktab **tidak bertanggungjawab** jika berlaku kecurian, kehilangan dan kerosakan telefon bimbit.
11. Pelajar bertanggungjawab sepenuhnya terhadap telefon bimbit masing masing.
12. Peraturan ini akan dikaji/semak dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian.

SPESIFIKASI TELEFON BIMBIT.

1. **Tidak mempunyai** kemudahan :
 - i. Kad Memori
 - ii. Kamera.
 - iii. Bluetooth.
2. **Telefon yang melanggar spesifikasi dan peraturan akan dirampas dan hanya akan dikembalikan pada akhir semester kepada ibu bapa/penjaga.**

TEMPAT MENYIMPAN DAN CARA PENGGUNAAN.

1. Telefon boleh diambil daripada warden pada hari **Jumaat selepas waktu akademik** dan **digunakan di kawasan asrama pada cuti hujung minggu sahaja.**
2. Telefon yang telah digunakan hendaklah **diserahkan** kepada warden pada **waktu sebelum kelas akademik Hari Isnin** untuk urusan penyimpanan.
3. Tidak dibenarkan membawa masuk ke dalam kawasan blok **akademik** dan **pentadbiran**.
4. Pihak maktab akan merampas telefon, jika digunakan ditempat dan waktu yang tidak dibenarkan.
5. Tidak digunakan selepas "**light off**".
6. Menggunakan telefon bimbit untuk **menghubungi keluarga** dan bukan untuk tujuan lain.

Disediakan Oleh :

MUHAMMAD KAMAL BIN HUSAIN
Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar
MRSM Gerik

Disahkan oleh

AMMAR B. AB RAHMAN
Pengetua
MRSM Gerik